

19 MAR 1997

Kuan Yew (Analisis Berita)

PERBALAHAN KL-SINGAPURA BERAKHIR TETAPI HUBUNGAN DUA HALA TERJEJAS

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Perbalahan diplomatik antara Malaysia dan Singapura berhubung kenyataan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew yang menghina Johor berakhir apabila Kabinet hari ini membuat keputusan menerima kenyataan memohon maaf Lee tetapi hubungan dua hala telah terjejas.

Perbalahan sebelumnya pernah berlaku antara kedua-dua negara jiran itu tetapi tidaklah sampai ke tahap seperti minggu lepas yang mencetuskan bantahan kerajaan dan rakyat Malaysia berhubung kenyataan Lee yang menyifatkan Johor sebagai tempat yang terkenal dengan kejadian tembak, menyamun dan merampas kereta".

Langkah yang diambil oleh kerajaan Singapura bagi memperbaiki kerosakan hubungan membawa signifikan dan menarik perhatian kerana hubungan diplomatik sekarang berada pada tahap paling rendah memandangkan hakikat bahawa setiap rakyat Malaysia berasa tersinggung dengan kenyataan Lee.

Lee telah memohon maaf terhadap keceluparan yang terkeluar dari mulutnya bukan sekali tetapi dua kali dalam tempoh seminggu kontroversi itu mendapat liputan di kedua-dua negara.

Cara bekas Perdana Menteri Singapura itu memohon maaf secara tulus ikhlas Khamis lalu bukan sahaja gagal memuaskan hati kerajaan dan rakyat Malaysia tetapi selepas menghalusinya, ramai yang membuat kesimpulan bahawa ia lebih menimbulkan penghinaan.

Tetapi itulah sifat sebenar Lee Kuan Yew.

Beliau bukan sahaja tidak memohon maaf atas namanya atau menandatangani kenyataan mohon maaf tetapi menggunakan Setiausaha Akhbarnya untuk berbuat demikian.

Ini seolah-olah menunjukkan bahawa Setiausaha Akhbarnya sudah layak untuk meredakan keadaan yang menimbulkan kekecohan itu terutama desakan daripada pemimpin dan rakyat Malaysia termasuk Perdana Menteri supaya beliau memohon maaf terhadap kenyataannya itu.

Yang rakyat Malaysia cukup marah berhubung dengan kenyataan Lee itu ialah beliau nampaknya tidak menunjukkan kesungguhan untuk memohon maaf dan kenyataan memohon maaf yang dibuatnya pun tidak membayangkan keikhlasan.

Beliau menjelaskan dalam kenyataan Khamis lepas bahawa ungkapannya mengenai Johor cuma bermaksud sebagai affidavit mahkamah dan jika mengetahui ia akan dibincangkan di mahkamah terbuka, beliau tidak akan berbuat demikian.

Bagaimanakah orang seperti Lee yang mempunyai kedudukan yang tinggi dari kaca mata masyarakat boleh mengharap rakyat Malaysia akan menerimanya sedangkan ia tidak termasuk akal walaupun oleh orang tidak berpendidikan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata: "Walaupun Lee tidak tahu affidavitnya akan dijadikan kenyataan umum, ia sesuatu yang terbit dari hatinya".

"Apabila kita memperkatakan sesuatu dan orang tidak mendengarnya, kita meluahkan juga apa yang tersirat dalam hati".

Beliau berkata dengan menyifatkan Johor sebagai negeri yang terkenal dengan jenayah, Lee sebenarnya merendahkan kecerdikan rakyat Singapura sendiri yang setiap hari beribu-ribu rakyat republik itu memasuki Johor. Mereka berasa lebih bebas daripada negara mereka sendiri apabila berada di Johor.

Apa tidaknya, mereka antara lain boleh mengunyah gula-gula getah di Johor dan membuang sampah sesuka hati pun mereka boleh lakukan.

Rakyat Singapura yang merupakan pelabur terbesar di Johor juga tidak akan melabur di Johor jika apa yang dikatakan oleh Lee itu benar.

Lee dipaksa menjilat kembali kata-katanya yang celupar dengan mengeluarkan kenyataan mohon maaf yang kedua Isnin lalu serta berjanji untuk membuat permohonan kepada mahkamah bagi mengeluarkan perkataan yang menyinggung itu.

Komen seorang wartawan agensi berita Barat yang berpusat di Kuala Lumpur mengenai isu itu juga tidak kurang menarik.

Mengenai kenyataan Lee bahawa kenyataannya mengenai kadar jenayah di Johor adalah berdasarkan laporan yang dibacakannya dalam akhbar dan beliau sebenarnya tidak pernah melawat Johor sejak melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri pada 1990, wartawan itu bertanya: "Cuba anda bayangkan reaksi Lee atau Singapura jika wartawan asing melemparkan cemuhan yang serupa mengenai Singapura sedangkan mereka tidak pernah melawat republik itu.

"Lee akan menyaman mereka atau membatalkan lesen penerbitan mereka atau menyebabkan mereka papa," kata wartawan itu.

Dr Mahathir sendiri berpendapat kenyataan Lee mengenai Johor bukan bermaksud untuk tidak menggalakkan rakyat Singapura dan rakyat asing daripada membeli-belah di Johor bagi menyelamatkan perdagangan runcit Singapura.

"Tujuannya tidak lain untuk memperolehi berjuta-juta Dollar melalui tindakan saman," kata Perdana Menteri di Johor Baharu Khamis lepas sambil menarik perhatian kepada saman Lee terhadap calon pembangkang Tang Liang Hong, yang mendorong Lee mengemukakan affidavit itu.

Bagi agensi berita Barat, yang paling "menarik" dalam keseluruhan perkembangan itu ialah "rakyat Malaysia sahaja di dunia ini yang boleh mengajar Lee Kuan Yew dan mendesaknya memohon maaf".

Beliau menarik perhatian kepada kritikan Lee secara terbuka terhadap negara-negara di rantau ini terhadap kegagalan yang ketara dan memandang rendah kepada akhbar serta mengheret akhbar, majalah dan wartawan ke mahkamah.

Sebaliknya Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong berkata hujung minggu lalu beliau sedang "berusaha keras" untuk memperbaiki hubungan dengan Malaysia.

Walaupun beliau menyifatkan Lee sebagai "offside" ketika membuat kenyataan itu tetapi jelas Goh memandang berat keceluparan Lee berhubung dengan kritikan terhadap negara jiran.

Hubungan Malaysia-Singapura berada di landasan yang sukar akibat kenyataan Lee itu yang mendorong Dr Mahathir mendedahkan buat kali pertama dua kejadian lain apabila kerajaan Singapura menunjukkan sikap yang tidak mencerminkan sebagai negara sahabat.

Dr Mahathir menarik perhatian kepada keadaan yang menyebabkan Malaysia menyerahkan Pangkalan Tentera Laut di Woodlands dan juga tekanan dari Singapura supaya Malaysia menyerahkan tanah landasan keretapi di Tanjung Pagar.

Singapura telah menaikkan sewanya dan menimbulkan masalah lain berhubung dengan pangkalan tentera laut itu.

Walaupun Malaysia mengekalkan hak milik tanah landasan keretapi itu sehingga 999 tahun, ia menghadapi tekanan melalui "pelbagai cara" yang butirannya tidak dinyatakan oleh Dr Mahathir.

Tetapi orang yang berasa bangga kerana mempertahankan integriti dan maruah Malaysia dalam keseluruhan episod itu tidak lain ialah Abdul Razak Ahmad, peguam dari Johor yang mewakili Tang, dan yang pertama menyiarkan affidavit Lee yang menyinggung rakyat Malaysia.

"Saya berbuat demikian bukan untuk kepentingan peribadi tetapi menjadi tanggungjawab saya sebagai rakyat Malaysia untuk mempertahankan kedaulatan

negara daripada kenyataan yang tidak berasas dan bersifat cemuhan oleh Lee Kuan Yew," kata beliau kepada Bernama ketika dihubungi hari ini.

"Saya gembira para pemimpin dan rakyat Malaysia telah bertindak secara berani dan tidak bertolak-ansur terhadap percubaan oleh Lee untuk memburuk-burukkan nama baik negara," kata beliau. -- BERNAMA

AU RM FAZ